

## **MRT beroperasi ke seluruh negara**

---

JOHOR BAHRU 19 Julai – Kerajaan tidak menolak kemungkinan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) akan diperkenalkan di seluruh negara termasuk di Johor Bahru sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, kerajaan menjangkakan pengangkutan masa depan utama di negara ini adalah rel, oleh itu pelan transformasi pengangkutan dalam bidang tersebut dibuat dengan drastik.

Menurutnya, kerajaan sememangnya mahu melihat bandar-bandar utama di negara ini dihubungkan dengan pengangkutan seperti MRT sejajar usaha memastikan ekonomi negara dapat terus bergerak dengan laju.

“Kejayaan melancarkan perkhidmatan MRT merupakan hadiah masa depan yang baik untuk rakyat termasuk projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dan Kereta Api BerkelaJuan Tinggi (HSR) yang sedang diusahakan kerajaan.

“Ini adalah satu perancangan dan pelaksanaan oleh Perdana Menteri,” katanya selepas menghadiri majlis konvokesyen Netherlands Maritime Institute of Technology (NMIT) Ke-4 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Eksekutif NMIT, Datuk Kapten Razali Yaacob serta Penasihat Kanan NMIT, Guus Verhagen.

Pada majlis itu, seramai 421 penuntut NMIT menerima diploma masing-masing dengan penuntut Diploma Pengurusan Pengangkutan Maritim, Nurul Ain Safwah Ekey Hussain, 21, dinobatkan sebagai penuntut terbaik.

Dalam pada itu, Ab. Aziz berkata, negara kini turut berdepan kekurangan modal insan dalam industri maritim dan usaha mengisi kekosongan dalam sektor itu perlu dipergiatkan seiring dengan usaha menjadikan negara sebagai hab logistik.

“Lebih-lebih lagi apabila kerajaan sedang mengorak langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab logistik selain gagasan One Belt One Road China juga menyemarakkan lagi industri maritim yang mewujudkan peluang besar kepada Malaysia kerana Selat Melaka antara yang paling sibuk di rantau ini,” katanya.

---

**SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 9 | 20 JULAI 2017**